

**Sila semak semasa dilafazkan**

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATIN SERI DR SITI HASMAH BTE HAJI MOHD ALI  
DI MAJLIS PERASMIAN TABUNG LATIHAN PUSPANITA  
DI DEWAN DATIN DR. SITI HASMAH BTE HAJI MOHD ALI  
DI RUMAH PUSPANITA, JALAN HOSE, KUALA LUMPUR  
PADA HARI JUMAAT, 7 OGOS 1998  
JAM 9.30 PAGI**

---

Saya amat bersyukur kerana pada pagi yang mulia ini kita dapat berkumpul di dewan yang indah ini untuk sama-sama melaksanakan satu majlis yang amat bermakna iaitu pelancaran Tabung Latihan Puspanita.

2. Tenaga manusia adalah aset yang paling penting dalam sesuatu organisasi. Tanggungjawab atau cabaran besar yang dihadapi ialah untuk menyedia, melengkap, dan mengurus tenaga manusia ini supaya dapat menyumbang sepenuhnya ke arah pencapaian matlamat organisasi dan Kerajaan.

3. Menjelang tahun 2020, Malaysia akan menjadi sebuah negara perindustrian yang maju. Daripada segi ekonomi pula, ia sedang mengalami pertumbuhan dan permodenan yang pesat dengan memberi tumpuan kepada sektor pembuatan sebagai sektor utama untuk mempelbagaikan eksport, dan meningkatkan pelaburan tempatan serta juga pelaburan asing. Dalam hal ini permintaan untuk pekerja mahir dan terlatih amat diperlukan.

4. Kini sektor pembuatan mengalami kekurangan pekerja mahir seperti mekanik, operator mesin, pengimpal, pembuat alat dan acuan, tukang jahit, operator pengeluaran, tukang kayu bangunan, dan sebagainya.

5. Keadaan yang sama juga wujud di lain-lain bidang seperti perkhidmatan keraian dan makanan di sektor pelancongan, pekerjaan jualan di sektor perniagaan runcit, pekerjaan dalam sektor perniagaan dan perkhidmatan profesional yang menggunakan teknologi maklumat, dan lain-lain lagi.

6. Seperti yang kita sedia maklum, pendidikan merupakan tiket atau pasport untuk memperolehi pekerjaan yang baik, bagi menjamin kehidupan yang lebih sempurna untuk diri seseorang dan keluarga. Dalam kata lain dengan memberi peluang latihan dan pekerjaan kepada para remaja kualiti hidup mereka, keluarga, dan masyarakat Malaysia keseluruhannya dapat ditingkatkan.
7. Sistem pendidikan di negara ini memberi peluang luas untuk pelajar melanjutkan pelajaran dan juga untuk mengikuti kursus-kursus kemahiran sebelum mereka memasuki alam pekerjaan. Namun demikian masih ramai daripada mereka tidak berjaya memperolehi pekerjaan. Ini mungkin disebabkan pelajar-pelajar tersebut tidak memenuhi syarat yang dikehendaki atau pun tidak mampu membayar kos atau yuran kursus yang diminati ataupun jahil dalam memperolehi maklumat untuk tujuan tersebut.
8. Kegagalan para pelajar lepasan SPM/SPVM memperolehi peluang berkursus mengakibatkan kerugian kepada negara untuk mengadakan sumber tenaga terlatih yang diperlukan. Kita semua sedar sehingga hari ini kita masih bergantung kepada tenaga asing untuk memenuhi keperluan negara di bidang profesional. Dengan penghantaran pulang pekerja-pekerja asing, tenaga belia tempatan boleh dimanfaatkan sekiranya mereka diberi latihan kemahiran ini. Dengan hal yang demikian ia dapat mengatasi masalah pengangguran di negara kita. Di samping itu usaha ini akan mengelakkan mereka terdedah kepada gejala sosial yang tidak sihat seperti dadah, lepak dan jenayah.
9. Pergantungan terus menerus kepada pekerja asing tidak akan menguntungkan negara kerana selain daripada berlakunya pengaliran keluar wang negara ia juga melambatkan lagi proses perpindahan teknologi kepada pekerja tempatan. Dengan memberi kemahiran kepada tenaga remaja tempatan, tenaga mereka dapat digemblengkan untuk memajukan ekonomi negara ke arah menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan industri yang boleh dijadikan contoh kepada negara di rantau Asia dan dunia.
10. Oleh itu hasrat Puspanita untuk menubuhkan Tabung Latihan ini adalah satu usaha yang sangat tepat pada masanya dan amatlah membanggakan. Saya menyokong sepenuhnya projek Tabung Latihan Puspanita ini.

11. Saya juga menyanjung tinggi akan idea Puspanita mengutip derma sebanyak RMI .00 seorang daripada ahli-ahlinya dan juga daripada semua kakitangan perkhidmatan awam di seluruh negara sebagai usaha yang paling sesuai dan praktikal memandangkan negara sedang dilanda kegawatan ekonomi. Dengan adanya jumlah kakitangan awam seramai 850,000 orang, Puspanita seharusnya boleh mengumpulkan dana sebanyak RM 850,000. Saya juga difahamkan Puspanita juga memohon derma daripada rakan-rakan mereka melalui kad-kad kutipan, dan juga daripada syarikat-syarikat swasta. Saya berharap mereka akan mendapat kerjasama daripada pihak-pihak tersebut, demi untuk kejayaan projek murni ini.

12. Akhir kata saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Puspanita atas usaha mereka ini dan saya berdoa agar projek Tabling Latihan Puspanita ini akan mendapat kejayaan dengan sepenuhnya. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini melancarkan "Tabung Latihan Puspanita".

\*\*\*\*\*